

Dr Mahathir sihat, dibenar pulang

KUALA LUMPUR: "Saya sihat, tiada apa-apa," kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad apabila dibenarkan pulang petang semalam setelah menjalani rawatan sejak kelmarin di Institut Jantung Negara (IJN) kerana jangkitan flu.

Dr Mahathir, yang berbaju kemeja lengan panjang berwarna biru muda, kelihatan ceria sambil diiringi isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan berkata, kemasukannya ke IJN "hanya untuk pemeriksaan biasa."

"Mereka kata tidak ada apa-apa," katanya kepada pemberita ketika ditemui di ruang legar IJN untuk pulang pada jam 4.15 petang semalam.

Sementara itu, pakar kardiologi IJN Datuk Dr Mohd Nasir Muda yang mengiringi Dr Mahathir berkata: "Beliau dimasukkan ke sini kerana jangkitan flu."

"Seperti biasa kami menjalankan ujian darah dan beliau didapati sihat," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir, yang menjalani pembedahan pintasan jantung di IJN pada 24 Januari 1989, menjalani pemeriksaan susulan setiap tahun di IJN.

Bagaimanapun, ia bergantung kepada keadaan kesihatan beliau, katanya.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN awal pagi kelmarin setelah mengadu kurang sihat dan terus dimasukkan ke Unit Rawatan Jantung (CCU), bagaimanapun dipindahkan ke wad biasa selepas didapati hanya mengalami jangkitan flu.

Pada 9 November tahun lalu, Dr Mahathir dimasukkan ke IJN kerana serangan jantung ringan dan dibenarkan keluar hospital setelah dirawat selama lima hari. - Bernama